# JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SELANGOR

# VISI

- Penggerak Utama Di Dalam Menjana Pengurusan Sumber Manusia Yang Cemerlang Di Sektor Swasta.

# MISI

- Membangun Masyarakat Industri Yang Produktif, Bermaklumat, Berdisplin, Penyayang Serta Responsif Kepada Perubahan-Perubahan Persekitaran Dalam Suasana Perburuhan.

# OBJEKTIF

- 1. Melindungi kepentingan dan memajukan kebajikan masyarakat industri.
- 2. Mengutamakan dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara.
- 3. Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran global.
- 4. Mewujudkan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.

# DASAR KUALITI

- Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan ditingkatkan secara berterusan.

# FUNGSI JABATAN

- 1. Memelihara kepentingan ekonomi dan sosial warga pekerja melalui pelaksaaan standard-standard perburuhan (labour standards) dan langkah-langkah perlindungan yang ditetapkan di bawah dasar dan undang-undang buruh negara.

- 2. Membantu meningkatkan daya pengeluaran negara melalui :

  (i)Pelaksanaan sistem pentadbiran perburuhan negara secara berkesan untuk mewujudkan satu angkatan tenaga kerja yang terjaga, berdisiplin, dan produktif; dan

- (ii) Pemberian khidmat nasihat undang-undang buruh bagi membantu meningkatkan kecekapan proses pengeluaran barangan dan perkhidmatan.

3. Membantu menggalakkan keseimbangan kaum dalam struktur gunatenaga di sektor swasta.

4. Membantu dalam pelaksanaan dasar gunatenaga negara dengan memberi keutamaan peluang pekerjaan kepada warganegara melalui pencegahan dan pengawalan penggajian pekerja-pekerja bukan warganegara.

- 5. Membantu meningkatkan kualiti kehidupan para pekerja di sektor perladangan.

- 6. Membantu menghidupkan konsep masyarakat penyayang melalui pelaksanaan kepentingan golongan masyarakat yang kurang bernasib baik dan yang memerlukan perlindungan khas.

- 7. Membantu meningkatkan pelaburan melalui langkah-langkah pemeliharaan keharmonian perusahaan dan pemberian khidmat fasilitatif khas kepada pelabur-pelabur.

- 8. Mengesan situasi perburuhan dan penggajian untuk membantu Kerajaan dalam membuat dasar dan undang-undang baru dalam bidang perburuhan dan sosial melalui penganalisaan data.

- 9. Mendaftarkan pencari kerja dan membantu mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

- 10. Membantu majikan mendapatkan tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan mereka.
- 11. Memproses dan mengeluarkan lesen kepada agensi pekerjaan swasta serta mengawasi aktiviti mereka.

# CARTA ORGANISASI
# JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SELANGOR



# ALAMAT PEJABAT

## JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SELANGOR

**JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SELANGOR**

sute A401-4, Tingkat 3A, West Wing,
Wisma Consplant 2, No. 7, Jalan SS 16/1,
47509 Subang Jaya, Selangor.
Tel: 603-5632 8800, 5636 1605, 5636 1625, 5636 1573 Fax: 603-5636 1534

**PEJABAT TENAGA KERJA SUBANG JAYA**

Lot B210 & C208, Tingkat 2, East Wing,
Wisma Consplant 2, No. 7, Jalan SS 16.1,
47509 Subang Jaya, Selangor
Tel: 603-5638 4535, 5632 9111, 5635 8064 Fax: 603-5632 8259

***PEJABAT TENAGA KERJA SHAH ALAM***
***Tingkat 1, Fasa 1, Kompleks PKNS,***
***40000 Shah Alam, Selangor.***
***Tel: 603-5519 1135, 55192367 Fax: 603-5510 2393***

**PEJABAT TENAGA KERJA BANGI**
**No. 709, Blok C, Diamond Kompleks,**
**43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**
**Tel: 603-8925 1000, 603-8925 9111 Fax: 603-8925 2768**

**PEJABAT TENAGA KERJA RAWANG**
**Lot 3, Jalan PR 4/1, Taman Rawang Perdana,**
**48000 Rawang, Selangor.**
**Tel: 603-6091 6533, 6092 9111 Fax: 603-6092 2144**

**PEJABAT TENAGA KERJA PELABUHAN KLANG**

No. 2646, Persiaran Tengku Ampuan Rahimah
41200 Klang, Selangor.
Tel: 03-3372 4704, 3372 4781, 3372 4733 Fax: 603-3165 1410

**PEJABAT TENAGA KERJA KUALA SELANGOR**

Kompleks PKNS, Kuala Selangor Tingkat 7, Kompleks PKNS, 45000 Kuala Selangor.
Tel: 03-3289 6467/6478, 03-3289 6471 (Telekerja)

Fax: 03-3289 6476

# PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

1. ***MAHKAMAH BURUH***

   ***Mahkamah buruh merupakan satu mekanisme pengadilan yang dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja untuk menyelesaikan tuntutan pekerja terhadap majikannya atau sebaliknya.***

2. ***MENGENDALIKAN PENGADUAN AWAM***

   ***Jabatan Tenaga Kerja juga bertanggungjawab membantu menyelesaikan masalah pekerja/majikan yang berkaitan dengan isu-isu perburuhan.***

3. ***PENGELUARAN PERMIT PERBURUHAN***

*Jabatan Tenaga Kerja boleh memberi pengecualian dari pemakaian peruntukan undang-undang buruh tertentu melalui pemberian permit-permit perburuhan*

4. ***KHIDMAT NASIHAT DAN PENDIDIKAN PERBURUHAN***

*Memberi khidmat nasihat dan pendidikan perburuhan terus kepada majikan/pekerja bagi mewujudkan kesedaran kepada mereka tentang hak-hak dan tanggungjawab masing-masing di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja*

5. ***MENGENDALIKAN TUNTUTAN PAMPASAN PEKERJA***

*Jabatan Tenaga Kerja bertanggungjawab mengendalikan tuntutan pampasan pekerja yang ditimpa kemalangan semasa menjalankan tugas melalui penguatkuasaan Akta Pampasan Pekerja 1952. Akta ini melindungi / meliputi pekerja warganegara asing yang bekerja secara sah di negara ini dan kakitangan kerajaan manual dengan had gaji.*

***6. MELULUSKAN PELAN PEMBINAAN ATAU PENGUBAHSUAIAN RUMAH PEKERJA DAN PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK***

***Jabatan Tenaga Kerja bertanggungjawab mengawal pembinaan rumah pekerja dan pusat asuhan kanak-kanak khususnya oleh majikan di sektor perladangan dan perkilangan supaya keadaannya sempurna dan selesa serta mamatuhi saiz dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang statutori.***

7. ***MENGENDALIKAN PENDAFTARAN DAN PENEMPATAN ORANG KURANG UPAYA KE DALAM PEKERJAAN DI SEKTOR SWASTA***

*Pada pertengahan tahun 1990 Jabatan Tenaga Kerja telah berusaha menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kebangsaan Penggalakkan Penggajian Orang Kurang Upaya Di Sektor Swasta sebagai memenuhi tanggungjawab sosialnya dalam usaha membantu orang-orang kurang upaya mendapat pekerjaan di sektor swasta.*

## 8. *JobsMalaysia.gov.my*

JobsMalaysia (sebelum ini dikenali sebagai Sistem Penjodohan Pekerjaan (JCS) di ELX) adalah sistem penjodohan pekerjaan automatik atas talian yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia. Sistem ini memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian. Majikan pula boleh mendapatkan calon untuk mengisi kekosongan jawatan di syarikat mereka. Menerusi sistem ini, pencari kerja boleh membuat permohonan pekerjaan dan majikan boleh menguruskan permohonan pekerjaan yang diterima. Semua kemudahan yang disediakan ini adalah percuma.

*Bersambung…*

# *Objektif JobsMalaysia*

Objektif sistem ini adalah untuk meningkatkan mobilisasi tenaga kerja negara dan untuk memastikan penggunaan tenaga kerja secara optimum melalui penjodohan pencari kerja dan kekosongan jawatan yang lebih sistematik.

Ianya juga adalah sebagai pusat sehenti bagi maklumat pasaran buruh yang boleh dicapai oleh orang ramai. Sistem ini boleh dicapai samada dari dalam atau luar negara, sasaran pengguna adalah pencari kerja dan para majikan tempatan, pelajar di luar negara dan pelabur-pelabur asing serta syarikat yang berhasrat beroperasi di Malaysia.

9. **BIMBINGAN KERJAYA**

*Memberi bimbingan kerjaya serta menyampaikan maklumat kepada pelajar, lepasan sekolah serta pencari kerja di samping menjalin hubungan baik dengan pertubuhan, institut pengajian tinggi, industri serta jabatan kerajaan.*

10. **PENGELUARAN LESEN AGENSI PEKERJAAN SWASTA**

*Mendaftar dan mengeluarkan lesen kepada agensi pekerjaan swasta selaras dengan kehendak Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.*

11. ***BILIK GERAKAN PEMANTAUAN PEMBERHENTIAN & PENEMPATAN SEMULA***

*di wujudkan untuk:-*

* *memantau dan merekod kes-kes pemberhentian di sektor swasta*

* *membantu menempatkan semula pekerja-pekerja yang diberhentikan.*

* *memberi khidmat nasihat berkaitan proses dan prosedur pemberhentian kepada majikan serta hak-hak dan faedah pemberhentian pekerja*

# JAWATANKUASA BILIK GERAKAN PEMANTAUAN PEMBERHENTIAN & PENEMPATAN JTK NEGERI SELANGOR

| |
|---|
| **JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SELANGOR** |
| **PEJABAT TENAGA KERJA BANGI** |
| **PEJABAT TENAGA KERJA RAWANG** |
| **PEJABAT TENAGA KERJA PELABUHAN KLANG** |
| **PEJABAT TENAGA KERJA SUBANG JAYA** |
| **PEJABAT TENAGA KERJA KUALA SELANGOR** |

*….sambungan*

# JAWATANKUASA PERBERHENTIAN PEKERJA PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2009

| BIL | NAMA | PTK/SYARIKAT/ PERSATUAN |
|---|---|---|
| 1. | En. Fong Khei Por | JTK Selangor |
| 2. | En. Roslee Sabaruddin Abu | JTK Selangor |
| 3. | En. Muhamad Fauzi Bin Hj. Abd Ghani | JTK Selangor |
| 4 | Pn. Nurashikin Binti Sabirin | JTK Selangor |
| 5. | Pn. Suzana Wati Binti Zulkepli | JTK Selangor |
| 6. | En. Mohamad Yunus Bin Jamaludin @ Osman | JTK Selangor |
| 7. | En. Tan Kim Keat | PTK Subang Jaya |
| 8. | Tn. Hj. Shahbuddin Bin Abu Bakar | PTK Pelabuhan Klang |
| 9. | En. Ummar @ Jai Kumar Bin Abdullah | PTK Bangi |
| 10. | En. Rosman Bin Abdul | PTK Rawang |
| 11. | Pn. Maspupah Binti Bajuri | PTK Kuala Selangor |
| 12. | En. Shahrizan Bin Haron | JTK Selangor |
| 13. | En. Abdul Nasher Bin Hasan | JTK Selangor |

*….sambungan*

*….sambungan*

| BIL | NAMA | PTK/SYARIKAT/ PERSATUAN |
|---|---|---|
| 14. | ASP Khursiah Binti Haji Saad | Polis Diraja Malaysia |
| 15. | Insp Hadly Fadly Bin Khalid | Polis Diraja Malaysia |
| 16. | Pn. Juriah Binti A. Ghani | MIDA Selangor |
| 17. | En. Mohd Hasry Bin Nor Mohd | UPEN Selangor |
| 18. | En. Mohd Hamdan Bin H. Dokhallim | Malaysian Trade Union Congress |
| 19. | Tn. Hj. Jufri Bin Nasir | Malaysian Trade Union Congress |
| 20. | En. Goh Seng Wing | Malaysian Employers Federation |
| 21. | Cik Shirin Kanan | Federation of Malaysian Manufacturers, Selangor Branch |
| 22. | Cik Khamini Loganathan | Federation of Malaysian Manufacturers, Selangor Branch |
| 23. | Pn. Anita Binti Ahmad | JHEKS Selangor |
| 24. | Pn. Faeza Binti Rosdi | JPP Selangor |

# JAWATANKUASA MEMBANTU PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2009

| BIL | NAMA | PTK/SYARIKAT/ PERSATUAN |
|---|---|---|
| 1. | En. Fong Khei Por | JTK Selangor |
| 2. | En. Roslee Sabaruddin Abu | JTK Selangor |
| 3. | En. Muhamad Fauzi Bin Hj. Abd Ghani | JTK Selangor |
| 4 | Pn. Nurashikin Binti Sabirin | JTK Selangor |
| 5. | Pn. Suzana Wati Binti Zulkepli | JTK Selangor |
| 6. | En. Mohamad Yunus bin Jamaludin @ Osman | JTK Selangor |
| 7. | En. Abdul Nasher Bin Hasan | JTK Selangor |
| 8. | En. Tan Kim Keat | PTK Subang Jaya |
| 10. | Cik Nooraini Binti Arifin | PTK Subang Jaya |
| 11. | En. Rosman Bin Abdul | PTK Rawang |
| 12. | En. Ummar @ Jai Kumar Bin Abdullah | PTK Bangi |
| 13. | Tn. Haji Shahabuddin Bin Abu Bakar | PTK Pelabuhan Klang |
| 14. | En. Mohd. Rosandy Bin Md. Ruslim | PTK Pelabuhan Klang |
| 15. | Pn. Maspupah Binti Bajuri | PTK Kuala Selangor |

*….sambungan*

*….sambungan*

| BIL | NAMA | PTK/SYARIKAT/ PERSATUAN |
|---|---|---|
| 16. | Pn. Zaharah Binti Haji Ishak | Perbadanan Tabung Kemahiran Pembangunan |
| 17. | En. Mohd Shahrizal Bin Ithnin | Perbadanan Tabung Kemahiran Pembangunan |
| 18. | Pn. Nazilah Binti Mohd Yusof | Jabatan Pembangunan Wanita, Selangor |
| 19. | Cik Hailis Suzana Binti Abdul Halim | UPEN, Selangor |
| 20. | Cik Nurliyana Binti Mohd Taib | Jabatan Kebajikan Masyarakat, Selangor |

## DIALOG KOTA RAYA

*Oleh: Juragan*




HARIAN METRO 29 JAN 2009

# Bantah buang pekerja




>SEORANG pekerja membantah tindakan majikan membuang pekerja di Manila, semalam. Penunjuk perasaan mendakwa 3,500 hingga 8,000 pekerja akan dibuang kerja pada bulan ini dengan 400 daripadanya sudah menerima notis diberhentikan.

HARIAN METRO 29 JAN 2009